

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
29 JULAI 2016**

---

**1. SAMBUTAN HARI MAJLIS 2016 DAN HARI TERBUKA PELAN TRANSFORMASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa, sambutan Hari Majlis 2016 dan Hari Terbuka Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan akan diadakan pada hari Sabtu, 30 Julai 2016 bertempat di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Program ini bermula jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang dan akan disempurnakan oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Terdapat pelbagai aktiviti seperti pameran Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan, Kaunter Pengurangan Kompaun, Jualan Pokok, Pameran Eco-City Batu Kawan dan “*Car Boot Sale*”.

Orang ramai dapat mengunjungi pameran yang disediakan di ruang lobi dan seterusnya memberi maklumbalas dengan mengisi borang maklumbalas yang disediakan.

## **2. PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mendapat Persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 25 Mac 2016. Persijilan ini adalah bertujuan untuk melindungi maklumat daripada pelbagai ancaman dalam usaha untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan MPSP dan memaksimumkan pulangan ke atas MPSP serta meningkatkan kepuasan pelanggan dan *Stakeholders* MPSP. Majlis penyerahan sijil oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd kepada MPSP akan diadakan pada 30 Julai 2016 iaitu pada sambutan Hari Majlis 2016.

## **3. PROMOSI PENGURANGAN KOMPAUN TEMPAT LETAK KENDERAAN**

Sempena sambutan Hari Majlis 2016 pada 30 Julai 2016, MPSP akan mengadakan promosi pengurangan kompaun letak kenderaan untuk setiap kompaun dengan syarat kompaun tersebut belum disenaraikan dalam kes Mahkamah MPSP. Pembayaran boleh

dibuat di kaunter MPSP Bandar Perda, Bukit Mertajam bermula dari jam 8:00 pagi sehingga 12:30 tengahari.

Selepas promosi ini tamat, sesiapa yang masih mempunyai kompaun tempat letak kenderaan, tindakan mahkamah akan diambil terhadap mereka. Bermula dari bulan Ogos 2016, tindakan yang “TEGAS” dan “KERAS” seperti kunci tayar dan tundaan akan diambil. Semua jenis kesalahan termasuklah tidak meletakkan kupon yang sah boleh diambil tindakan kunci tayar dan tundaan sebagaimana peruntukan di dalam Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995. Bayaran RM50.00 untuk kunci tayar dan RM100.00 untuk tundaan akan dikenakan.

Berikut merupakan Jadual Bayaran untuk Promosi Bayaran Kompaun Letak Kenderaan Sempena Hari Majlis 2016

<b>Bil</b>	<b>Jenis Kenderaan</b>	<b>Bayaran Dlm 14 Hari</b>	<b>Bayaran Selepas 14 Hari</b>	<b>Bayaran selepas 28 Hari dan Sebelum Tindakan Mahkamah</b>
<b>1</b>	<b>Motosikal</b>	<b>RM5.00</b>	<b>RM5.00</b>	<b>RM5.00</b>
<b>2</b>	<b>Kereta</b>	<b>RM15.00</b>	<b>RM15.00</b>	<b>RM15.00</b>
<b>3</b>	<b>Van/ Lori Kecil/ 4WD</b>	<b>RM20.00</b>	<b>RM20.00</b>	<b>RM20.00</b>
<b>4</b>	<b>Lori Besar / Bas</b>	<b>RM25.00</b>	<b>RM25.00</b>	<b>RM25.00</b>

#### **4. PENGUATKUASAAN TERHADAP PREMIS PERNIAGAAN YANG DIMILIKI ATAU DIUSAHAKAN OLEH WARGA ASING TANPA KELULUSAN**

Untuk makluman, MPSP akan mengambil tindakan terhadap premis perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing atau premis perniagaan yang diusahakan sepenuhnya oleh warga asing. Perkara ini adalah sebagai salah satu usaha bagi MPSP dalam membasmi kebanjiran warga asing dalam aktiviti perniagaan.

Sebagai permulaan, tindakan akan tertumpu di sekitar pekan Bukit Mertajam diikuti dengan Taman Pelangi dan Taman Nagasari. Hebahan melalui pemasangan empat (4) banner telah dibuat sekitar pekan Bukit Mertajam dan edaran notis kepada pemilik premis juga telah dilaksanakan pada 15 Julai 2016 yang lalu.

Notis hebahan dan banner yang digantung memaklumkan kepada semua pemegang lesen MPSP bahawa semua lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh MPSP tidak boleh diserahkan, dijual, disewa atau dipajak kecil kepada individu warganegara asing tanpa kelulusan MPSP. Pemegang lesen juga dilarang menggajikan dan mengupah warga asing yang tiada permit atau visa kerja yang sah. Sekiranya menggunakan khidmat pekerja warga asing yang

mempunyai permit atau visa kerja yang sah, pemegang lesen perlu memastikan juga operasi perniagaan tidak diuruskan sepenuhnya oleh warga asing ini. Sekiranya perkara ini berlaku, pemegang lesen telah melanggar syarat-syarat Pelesenan MPSP dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas pemilik premis. Tempoh notis tersebut telah tamat pada 25 Julai 2016.

Ops bersepadu akan dijalankan bersama Jabatan Imigresen, SSM, SPRM dan agensi dalaman. Tindakan penguatkuasaan yang akan diambil adalah :

- i. Tindakan rampasan ( Mesin wang dan dapur) untuk premis yang menggunakan warga asing sebagai pekerja sepenuhnya.
- ii. Tindakan dibawah bidang kuasa Imigresen untuk warga asing yang tidak mempunyai permit kerja yang sah.
- iii. Tindakan dibawah bidang kuasa SSM untuk pemilik perniagaan yang menyalahgunakan pendaftaran perniagaan.

## **5. PENGANJURAN FESTIVAL PINGGIRAN BUTTERWORTH 2016 ATAU DIKENALI SEBAGAI BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2016 (BFF)**

Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn.Bhd dan George Town Festival (GTF) akan menganjurkan Butterworth Fringe Festival 2016 pada 13-14 Ogos 2016 (Sabtu-Ahad) bermula 4.00 petang sehingga 11.00 malam bertempat di Jalan Jeti Lama, Butterworth berkonsepkan “A Street Festival – Accessible to The Public” iaitu Festival Jalan - Terbuka Untuk Diakses oleh Orang Awam. Festival pinggiran ini dianjurkan untuk kali kedua di Butterworth. BFF 2016 merupakan salah satu pengisian program selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu yang mana meletakkan visi penganjurkan sebagai catalyst dalam pembangunan ekonomi Butterworth di Konurbasi Wilayah Utara melalui penganjurkan festival berbentuk kesenian, budaya dan warisan”.

Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa bakal dipersembahkan selaras untuk menjadikan Butterworth sebagai hub acara budaya kreatif dan inovatif di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi Seberang Perai khususnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya. BFF 2016 juga menjanjikan kelainan bagi pengisian acara

sepanjang festival berlangsung yang berteraskan asimilasi budaya serantau. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Think City dan George Town Festival mengharapkan komuniti setempat khususnya dan seluruh negeri Pulau Pinang akan hadir bagi memeriahkan Butterworth Fringe Festival 2016.

## 6. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-15 pada 7 Ogos 2016 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah senamrobik, pameran, **pertunjukan silap mata, persembahan tarian kebudayaan, boria**, gerai jualan, kaunter bayaran bergerak, jualan e-Waste dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

## **7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 21 Ogos 2016 (Ahad) Taman Berjaya, Nibong Tebal pada 28 Ogos 2016 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **8. SELAMAT MENYAMBUK HARI KEMERDEKAAN YANG KE-59 PADA 31 OGOS 2016**

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-59 pada 31 Ogos 2016 (Rabu) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari cuti umum.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**